

D379

R 8005 BAH  
MUHYIDDIN - PELAN

JOHOR BAHRU, 30 SEPT (BERNAMA) -- SATU PELAN INDUK YANG AKAN DIJADIKAN ASAS BAGI STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI JOHOR SECARA MENYELURUH BAGI TEMPOH 15 TAHUN AKAN DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, DI SINI PADA 11 OKT INI.

MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN, YANG MENGUMUMKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA, ANTARA PERKARA PENTING YANG DITEKANKAN DALAM PELAN ITU IALAH SOAL MENGADAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG SEIMBANG ANTARA WILAYAH DI NEGERI INI UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT.

PELAN ITU, YANG DIRANGKA UNTUK TEMPOH 1990-2005 DAN BERASASKAN KAJIAN INSTITUT KAJIAN EKONOMI MALAYSIA (MIER), AKAN TURUT MENITIKBERATKAN CARA MENJADIKAN JOHOR SEBAGAI NEGERI PERINDUSTRIAN TERMAJU DI NEGARA INI, KATA BELIAU.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYAMPAIKAN SIJIL KEPADA 483 GURU LEPASAN MAKTAB PERGURUAN TEMENGGUNG IBRAHIM (MPTI) DI SINI, TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BERKATA, KAJIAN MIER MENDAPATI BAHAWA JOHOR, DARIPADA SEGI PERINDUSTRIAN, BOLEH MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN MELEBIHI SEKTOR PERTANIAN DALAM DUA HINGGA TIGA TAHUN LAGI -- LEBIH AWAL DARIPADA JANGKA MASA YANG DITETAPKAN DALAM PELAN TERSEBUT.

+INI BERMAKNA KITA BOLEH MENCAPAI TARAF PEMBANGUNAN NEGERI YANG LEBIH AWAL. SELAIN ITU, SEKTOR PERKHIDMATAN, PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN HARTANAH JUGA AKAN MENJADI SEKTOR UTAMA, SELARI DENGAN BIDANG PERINDUSTRIAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.  
1531MST 30 09 90

D385

R 8006 BAH  
MUHYIDDIN - PELAN 2 JOHOR BAHRU

KATANYA, BAGAIMANAPUN, KAJIAN ITU JUGA MENDEDAHKAN BAHAWA JOHOR AKAN MENGALAMI MASALAH KEKURANGAN 250,000 TENAGA KERJA DALAM TEMPOH PELAN BERKENAAN.

MENURUTNYA, BEBERAPA KUMPULAN KERJA BAGI SEMUA ASPEK PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI, PELAN PERINDUSTRIAN DAN INFRASTRUKTUR TELAH JUGA DITUBUHKAN DAN KERAJAAN NEGERI SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MENUBUHKAN LEMBAGA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI, YANG MEMBABITKAN SEKTOR SWASTA, BAGI MENELITI ARAH ALIRAN PEMBANGUNAN EKONOMI JOHOR SETERUSNYA.

KATANYA, KAJIAN ITU PERLU DIBUAT KERANA PENUBUHAN SEBUAH LEMBAGA SEPERTI ITU AKAN MELIBATKAN KOS PERUNTUKAN ORGANISASI BARU.

STRUKTUR DAN FUNGSI UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI (UPEN) JUGA PERLU DIKAJI SEMULA KERANA SELAKU AGENSI KERAJAAN, IA AKAN BERCANGGAH DENGAN STRUKTUR YANG DICADANGKAN BAGI LEMBAGA BERKENAAN, TAMBAHNYA.

MENTERI BESAR BERKATA, PERAKUAN TELAH DIKEMUKAKAN AGAR KERAJAAN NEGERI MEMODEN DENGAN MENJADIKAN SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI SEKTOR KOMERSIL, MEMBANDARKAN KAWASAN LUAR BANDAR DAN MENGGERAKKAN INDUSTRI KE SELURUH JOHOR.

-- BERNAMA.

1541MST 30 09 90